


TATACARA PERMOHONAN KELULUSAN PROGRAM AKADEMIK BAHARU

Carta alir tatacara proses saringan awal permohonan program baharu adalah seperti yang ditunjukkan di dalam Rajah 3. Penerangan tentang tatacara proses adalah seperti berikut:

1. Ketua Program mengemukakan cadangan program akademik baharu (mengikut **Format Permohonan Program Akademik Baharu dan Akreditasi Sementara UTM**) serta menyemak kelestarian, kerelevanan, isu, cabaran dan penilaian program kepada Jawatankuasa Kurikulum Fakulti (JKKF).
2. Cadangan program akademik baharu yang telah lengkap dibentangkan ke JKA yang bertanggungjawab menyemak penyediaan kemudahan, sumber manusia, kewangan dan lain-lain.
3. Selepas cadangan program akademik baharu diluluskan oleh JKA, dokumen tersebut dihantar kepada JKKU untuk menyemak kecukupan dokumen. Sekiranya tidak lengkap, JKKU akan memulangkan semula kepada Ketua Program untuk dilengkapi.
4. Untuk tujuan kelulusan program, setelah dokumen lengkap, Bahagian Pengurusan Akademik (BPA) akan menghantar dokumen tersebut untuk kelulusan Jawatankuasa Tetap Senat Kurikulum dan Kualiti Akademik (JKTS KKA). Jika dokumen tersebut perlu penambahbaikan, dokumen akan dikembalikan kepada Ketua Program.
5. Untuk tujuan akreditasi sementara, jika dokumen lengkap, Pusat Kualiti Dan Pengurusan Risiko (UTM QRiM) akan menghantar dokumen tersebut untuk penilaian oleh Panel Penilai Akreditasi (PPA). Untuk akreditasi sementara, sila rujuk prosedur akreditasi sementara UTM QRiM. Akreditasi sementara program adalah tertakluk kepada keputusan Jawatankuasa Akreditasi Universiti (JKAU).
6. Permohonan yang diluluskan oleh JKTS KKA dan JKAU akan dibentangkan dalam Senat untuk diperakukan. Program yang telah diluluskan oleh Senat akan dibentangkan dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti (LPU) untuk pemakluman.
7. Ketua Program perlu mengisi borang permohonan program baharu (Lampiran) beserta maklumat kelulusan Senat, LPU dan Akreditasi Sementara dan kemukakan kepada Bahagian Pengurusan Akademik (BPA).



Rajah 3: Carta Alir Permohonan Kelulusan Menjalankan Program Akademik Baharu